



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

RM1.5 JUTA UNTUK PELAKSANAAN PROGRAM PERPADUAN DAN RM800,000.00 UNTUK PENGURUSAN OPERASI BAGI YAYASAN SUKARELAWAN SISWA

PUTRAJAYA, 9 Mei 2024 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah **mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) yang ke-12** selari dengan peruntukan Akta Syarikat 2016.

YB Menteri Perpaduan Negara menyatakan bahawa **Kementerian komited untuk menjadikan Malaysia sebagai Hub Kesukarelawan**. Inisiatif ini termasuklah pelaksanaan tujuh misi sukarelawan siswa dalam dan luar negara, pelantikan Duta Perpaduan dan Ikon Perpaduan, serta pembangunan Dasar Kesukarelawan Nasional. “Saya berharap agar YSS akan terus berusaha menyemarakkan semangat kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa selaras dengan slogan **Perpaduan melalui Sukarelawan**” ujar beliau.

Beliau turut mengumumkan dan melantik **kepimpinan baharu YSS bagi sesi 2024-2026** iaitu YBhg. Tan Sri Dato’ Haji Alimuddin Mohd Dom sebagai Pengerusi, dan beberapa Ahli Lembaga Pemegang Amanah iaitu YBhg. Datuk Ng Yih Pyng, YBrs. Dr. Subramaniam A/L Govindan dan Encik Razman Durhan. Beliau menaruh keyakinan tinggi terhadap barisan kepimpinan baharu ini dalam meneruskan tradisi kecemerlangan YSS dan memastikan kesinambungan kejayaan organisasi.

Bersempena dengan AGM ini, YB Menteri Perpaduan Negara telah mengumumkan **peruntukan sebanyak RM800,000.00 untuk pengurusan operasi dan RM1.5 juta untuk pelaksanaan program perpaduan** bagi tahun 2024. Dana tersebut akan **memperkasakan lagi usaha dalam melahirkan lebih ramai sukarelawan siswa (Volunteer Leaders) dan memperkukuh keharmonian** dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sebagai rekod, YSS telah berjaya menganjurkan persidangan *The International Volunteer Cooperation Organisations (IVCO)* diperingkat antarabangsa pada tahun 2023 serta dua (2) misi sukarelawan siswa ke Sabah dan Sarawak dan Festival Sama-Sama. YB Menteri Perpaduan Negara menyatakan bahawa prestasi tersebut bukan sahaja dapat memperkukuh hubungan antara komuniti tempatan, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan sosial dan kebudayaan negara.

YB Menteri Perpaduan Negara juga mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Prof. Emerita Tan Sri Dato' Seri Dr. Mazlan Binti Othman, Mantan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah YSS tahun 2023 iaitu YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, YBrs. Dr. Sathish Rao A/L Appalanaidu, Puan Sherene Azura Azli, Ybrs. Prof. Dr. Zainal Abidin Sanusi, dan Prof. Madya Dr. Soo Wincci atas sumbangan dan komitmen mereka.

Kementerian Perpaduan Negara

9 Mei 2024

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my